

Nama Murid		Tahun	4 _____
------------	--	-------	---------

## INSTRUMEN PENILAIAN SEKOLAH

**BIL 1 / 2015**

012

Bahasa Melayu

Penulisan

Mei 2015

1 ¼ jam

### BAHASA MELAYU

Penulisan

**TAHUN 4**

Satu jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
3. *Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2, atau Soalan 3.*
4. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helai tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helai tambahan (jika ada) hendaklah dilkat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.*

Kod Pemeriksa:		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
JUMLAH		60

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

## Bahagian A

[10 markah]

[Masa yang dicadangkan: 15 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam gambar di bawah.



**Bahagian B****[30 markah]****[Masa yang dicadangkan: 40 minit]**

**Pilih satu daripada tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.**

- 1 **Persatuan Bahasa Melayu sekolah anda telah menganjurkan lawatan sambil belajar ke Bandar Raya Bersejarah Melaka. Anda telah ditugaskan menyediakan satu laporan tentang lawatan tersebut.**

**Tulis laporan itu selengkapnya.**

**ATAU**

- 2 **Sebaik-baik sahaja pulang daripada menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah, aku berchat-rehat sambil menonton televisyen. Tiba-tiba aku terdengar satu panggilan suara dari luar rumah. Aku keluar untuk melihat siapa yang datang. Rupa-rupanya...**

**Mulakan cerita kamu dengan :**

**Rupa-rupanya...**

**ATAU**

- 3 **Kita harus menjaga kebersihan diri untuk mengelakkan diri dari dijangkiti pelbagai jenis penyakit.**

**Tulis sebuah karangan tentang cara-cara menjaga kebersihan diri.**

**Bahagian C****[10 markah]****[Masa yang dicadangkan: 10 minit]**

*Jawab soalan yang disediakan di bawah dengan selengkapnya berdasarkan petikan yang disediakan.*

**Kempen Tandas Sekolahku Bersih**

Nadia dan kawan-kawanya telah menyertai Kempen Tandas Sekolahku Bersih yang dilancarkan oleh guru besar. Kempen itu bertujuan untuk menjadikan amalan menjaga kebersihan tandas sebagai budaya di Sekolah Kebangsaan Seri Baiduri.

Kempen itu dilaksanakan dengan cara menggalakkan murid-murid berkongsi tandas dengan guru. Langkah ini dilaksanakan supaya murid-murid menjaga kebersihan dan menggunakan tandas dengan betul kerana kebersihan tandas tanggungjawab bersama.

Murid-murid telah diberi tunjuk cara penggunaan tandas yang betul. Mereka diajar cara mengepam tandas dan membersihkan mangkuk tandas selepas menggunakannya.

Pada mulanya, kebanyakan murid berasa janggal menggunakan tandas guru kerana mereka telah biasa menggunakan tandas secara berasingan. Perasaan itu sedikit demi sedikit hilang. Akhirnya, murid dan guru bersama-sama menjaga dan memastikan tandas sekolah sentiasa bersih dan selamat digunakan.

1. Siapakah yang menyertai Kempen Tandasku Bersih?

---

---

2. Apakah tujuan Kempen Tandasku Bersih dilaksanakan?

---

---

3. Mengapakah murid diminta berkongsi tandas?

---

---

4. Kebanyakan murid berasa janggal menggunakan tandas guru kerana \_\_\_\_\_


---

---

5. Cara-cara menjaga kebersihan tandas dengan \_\_\_\_\_

---

---



**Bahagian C**

[10 markah]

[Masa yang dicadangkan: 10 minit]

Jawab soalan yang disediakan di bawah dengan selengkapnya berdasarkan petikan yang disediakan.

**Penjagaan Kuku**

Kuku ialah bahagian separuh keras yang terletak di hujung jari tangan dan kaki manusia atau haiwan. Kuku berfungsi sebagai pelindung hujung jari. Kuku tumbuh dan memanjang pada setiap masa dengan kadar yang amat perlahan. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan kuku tangan adalah lebih cepat daripada kuku kaki.

Penjagaan kuku sangat penting supaya kuku tidak mudah rosak. Kuku kita akan diserang penyakit kuku jika tidak dijaga dengan baik. Antara panduan penjagaan kuku termasuklah tidak menggunakan kuku sebagai alat untuk mencungkil atau mengumpul sesuatu. Elakkan daripada menggigit kuku kerana perbuatan itu akan merosakkan kuku.

Gunakanlah pengetip kuku yang tajam ketika memotong kuku. Kuku perlu dipotong menggunakan pengetip kuku yang paling sesuai agar kuku tidak terkoyak.

1. Apakah fungsi kuku kepada manusia atau haiwan?

---

---

2. Bagaimanakah kadar pertumbuhan kuku tangan dan kuku kaki?

---

---

3. Kenapa penjagaan kuku sangat penting?

---

---

4. Apakah alat yang digunakan untuk memotong kuku?

---

---

5. Kenapa kita perlu memotong kuku?

---

---

**KERTAS SOALAN TAMAT**